

Kerjasama PUNB-UMS tingkatkan budaya keusahawanan pelajar universiti

UB 26.10.2024 P.06

KOTA KINABALU: Kolaboratif antara pihak universiti, agensi, dan usahawan mampu melahirkan graduan yang mempunyai keyakinan tinggi dan berdaya saing.

La selaras usaha merealisasikan aktiviti keusahawanan semasa berada di universiti lagi.

Sinergi antara Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Gabungan Persatuan-Persatuan Penaja dan Peniaga Negeri Sabah (G3PNS) dalam menjayakan penganjuran PUNB-UMS Social Entrepreneurship Challenge 2024 mampu memangkin usaha itu.

Dekan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakunaan (FPEP) UMS, Profesor Madya Dr. Mohd Rahimie Abdul Karim berkata, pihak fakulti sentiasa memberi galakan kepada pelajar melibatkan diri dalam pertandingan inovasi seperti itu.

Beliau turut berkongsi hasil daripada program PUNB-UMS Uni Challenge tahun lalu apabila seorang pelajar mendapat johan dalam pertandingan PUNB-UMS Uni Challenge 2023.

Dalam pada itu, beliau berharap program mampu mencetuskan minda para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya menjadi pencipta pekerjaan.

Rahimie turut merakamkan penghargaan kepada PUNB yang menyediakan dana bagi menjayakan program tersebut dan G3PNS yang menyediakan 10 usahawan sebagai rakan strategik.

Katanya, usaha kolaboratif UMS dengan G3PNS itu juga merupakan inisiatif Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dalam menghubungkan bukan sahaja pelajar malah penyelidik atau ahli akademik dengan kumpulan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sep-



TERBAIK: Kumpulan Babupop muncul johan pertandingan.



ALBUM: Rahimie merakamkan gambar bersama para peserta sempena majlis itu.

erti G3PNS yang mempunyai kumpulan usahawan yang mewakili negeri Sabah.

Pada pertandingan kali ini, 10 kumpulan berentap bagi mempamerkan secara praktikal kebolehan dan kreativiti keusahawanan.

Kumpulan Babupop yang mengetengahkan isu kekurangan tenaga pekerja dan cabaran dalam memenuhi permintaan pengeluaran popia dalam pembentangan mereka, muncul johan pertandingan, sekali gus membawa pulang hadiah kemenangan bernilai RM3,000.

Tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Richgreats membolehkan mereka

menerima hadiah RM2,500, manakala Kumpulan Baeiku yang mendapat tempat ketiga membawa pulang hadiah RM2,000.

Selain hadiah utama, terdapat pelbagai kategori hadiah yang dipertandingkan, antaranya kategori Hadiah Inovatif yang dimenangi Kumpulan D'Watie Empire; Hadiah Pembentangan Terbaik dimenangi Kumpulan Krunchy Kottage; Hadiah Pengurusan Terbaik dimenangi Kumpulan Menaq; Hadiah Inovasi ESG Terbaik dimenangi Kumpulan Glowguide, dan Hadiah Saguhati dimenangi tiga kumpulan

iaitu Sembang Healing, Ailuh Team dan Digital Hustle.

Hadir sama pada perasmian program tersebut Ketua PUNB Wilayah Sabah, Abdul Ashaari Salleh; Timbalan Presiden G3PNS, Noorizan Elias; Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS, Profesor Madya Ts. Dr. Sidah Idris; Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Dr. Jakaria Dasan; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah FPEP, Dr. Noor Fzlinda Fabeil selaku penyelaras program dan Ketua Program Keusahawanan FPEP, Profesor Madya Dr. Ramrani Ali Hassan.